



**MENEMBAK** adalah kaedah paling berkesan untuk mengurangkan bilangan gagak di sesuatu kawasan. - **GAMBAR HIASAN/UTUSAN**

## Gangguan gagak masih berterusan

### **SAUDARA PENGARANG,**

**KAJIAN** yang dilakukan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2003 dan 2014 mendapati masalah yang ditimbulkan oleh gagak tidak berubah sepanjang tempoh 10 tahun.

Kekotoran yang berpunca daripada najis haiwan itu adalah masalah utama dihadapi orang ramai. Masalah lain adalah tabiat gagak mengotori kawasan dengan menyelongkar tong sampah dan haiwan itu juga sering membuat bising yang mengganggu ketenteraman penduduk.

Walaupun orang ramai tidak selesa dengan gagak kerana faktor kekotoran, najis dan bunyi bising; haiwan berkenaan juga berpotensi menyebarkan penyakit termasuk virus *West Nile*.

Berikutan ancaman gagak ini, pelbagai kaedah kawalan pembiakan haiwan terabit perlulah dilaksanakan. Setakat ini, menembak adalah kaedah paling berkesan. Namun langkah itu perlu

dilakukan secara kerap dengan kadar upah yang tinggi.

Kaedah memasang perangkap juga berkesan. Bagaimanapun, gagak adalah haiwan cerdik yang mempunyai keupayaan untuk belajar cara-cara mengelak perangkap.

Selain menembak dan memasang perangkap, menjaga kebersihan secara berterusan juga boleh membantu mengurangkan bilangan gagak.

Menjaga kebersihan akan menghalang gagak memperoleh makanan. Ini termasuk mengasingkan sampah dan menggunakan tong sampah bertutup.

Kempen kesedaran melalui media maya, cetak dan elektronik juga perlu dipertingkatkan bagi menyemai sikap masyarakat yang sentiasa ingin mengekalkan kebersihan persekitaran.

**PROF. MADYA  
DR. HAFIDZI MOHD. NOOR**

Universiti Putra Malaysia